

**Lim Guan Eng jangan bermain politik  
Utusan Online  
Februari 24, 2012**

NIBONG TEBAL 23 Feb. - Ketua Menteri, Lim Guan Eng didesak supaya tidak terus berbolak-dalik menjawab persoalan berkaitan isu tanah Bayan Mutiara seperti dikemukakan Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Pengerusinya, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, Guan Eng perlu bersikap *gentleman* untuk menjawab 25 soalan yang dikemukakan melalui twitter beliau mengenai tindakan kerajaan negeri menjual tanah seluas 41.6 hektar di Bayan Mutiara dengan harga RM1.1 bilion yang didakwa tidak dilakukan secara tender terbuka.

Menurutnya, selepas tiga minggu, Guan Eng hanya menjawab lima daripada soalan-soalan terbabit namun ia dijawab secara berbelit-belit serta tidak menjawab persoalan utama yang dikemukakan.

"Saya harap Guan Eng lebih gentleman dan terbuka untuk menjawab 25 soalan yang kami kemukakan melalui twitter serta surat dan bukannya memberi jawapan yang berbelit-belit serta merendahkan martabat orang lain.

"Lain soalan yang ditanya lain pula jawapannya malah beliau mendakwa saya tak faham bahasa Inggeris, minta saya letak jawatan serta menyindir UMNO supaya membeli tanah itu sekiranya tidak setuju dengan harga yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan projek perumahan Seri Putra di Permatang Tok Mahat di sini hari ini.

Isu tanah Bayan Mutiara timbul apabila tanah tebus guna yang luas itu tidak dimajukan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang merupakan pemilik tanah itu.

Tanah itu kemudiannya dijual kepada syarikat swasta untuk dibangunkan sedangkan PDC mempunyai kepakaran serta pengalaman dan telah menjalankan banyak projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

Tambah Zainal Abidin, pihaknya memiliki bukti bahawa tanah terbabit dijual secara rundingan terus dan bukannya tender terbuka seperti dilaporkan kepada Bursa Malaysia.

Selain itu, katanya, laporan itu juga menyebut tanah itu dibeli selepas syarikat terbabit mengadakan rundingan bersama pihak Ketua Menteri Diperbadankan (CMI) dan PDC.

"Cara tender terbabit diiklankan juga menimbulkan kekeliruan kerana ia cuma dikeluarkan di dalam akhbar *The Edge* dan bukan akhbar utama lain," katanya.

"Saya sedia berdebat dengan Guan Eng mengenai isu tanah ini tapi dengan syarat beliau menjawab semua soalan yang diberikan terlebih dahulu kerana saya yakin di pihak yang benar," ujarnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0224&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_06.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0224&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_06.htm)